

**Yingluck Akan Bertemu Najib Di Luar Forum APEC**  
**Bernamea**  
**6 September, 2012**  
**Oleh Jamaluddin Muhammad**

BANGKOK, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Yingluck Shinawatra akan bertemu rakan sejawatannya Datuk Seri Najib Tun Razak bagi berbincang berhubung pergolakan di Selatan Thailand apabila mereka menghadiri forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Vladivostok, Rusia, tidak lama lagi.

Timbalan Perdana Menteri Jen Yuthasak Sasiprapha yang bertanggungjawab bagi hal ehwal keselamatan berkata di sini pada Khamis, kedua-dua pemimpin itu akan bertemu di luar forum itu yang dijadual selama tiga hari bermula Jumaat.

Bagaimanapun, Jen Yuthasak tidak memberikan butiran isu yang dijangka dibincangkan kedua-dua perdana menteri itu.

Lebih daripada 5,000 orang terbunuh sejak kumpulan disyaki pemisah melancarkan kempen bersenjata bagi menuntut kemerdekaan bagi tiga wilayah di selatan iaitu Narathiwat, Pattani dan Yala sejak lapan tahun lalu.

Malaysia menghulurkan bantuan terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi di sempadan kawasan yang bergolak atas jemputan kerajaan Thailand.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692554>